

Berita-berita Ringkas Dari Alam Islam

Sebuah suratkhar Syria

“Al-Thawrah” di dalam rencana pengarangnya telah menyeru seluruh negara-negara Arab bersatu dan menyusun suatu barisan bersama di lapangan ekonomi untuk mempertinggi taraf ekonomi rakyat yang sedang menghadapi zaman kemunduran dan kerosakan terutama dari segi pembangunan.

Kemajuan ekonomi negara-negara di Timur Tengah hanya dapat dicapai dengan mengadakan pasaran bersama Arab di dalam mengendalikan bahan-bahan mentah, permodalan, tenaga manusia dan pakar-pakar perusahaan di bidang ekonomi. Pasaran bersama Arab akan juga memberi kemudahan-kemudahan istimewa dalam bidang penbangunan dan industri di seluruh dunia Arab.

Pada masa ini tiada terdapat sebarang negara Arab yang dengan sendirinya mempunyai kedudukan yang kukuh di dalam menghadapi keseluruhan keperluan rakyatnya atau bertanding dengan pasaran-pasaran dunia. Negara-negara Arab boleh menjadi beberapa buah negara perindustrian di dalam segala bahagian, hanya jika mereka bersatu dan hasil-hasil negara disarankan untuk tujuan yang sama.

* * *

Panglima Tertinggi Angkatan Bersenjata Turki, Jeneral Kemal

Tural mengatur satu rancangan 15

tahun dalam bidang meluaskan perusahaan senjata Turki, yang mana hasilnya, Turki akan dapat mengeluarkan senjata-senjatanya sendiri termasuk kereta-kereta kebal dan kapal-kapal perang dengan tidak payah bergantung lagi kepada negara-negara Eropah yang telah maju di dalam bidang persenjataan.

* * *

Berita dari Baghdad menyatakan bahawa Al-Sayyid Khalil Ibrahim Menteri Perusahaan Iraq berkata: Bahawa pada bulan Jun ini beliau akan melawat Soviet Rusia untuk mengadakan satu perundingan bagi mempereratkan tenaga kerjasama di antara Iraq dan Soviet Union di bidang perindustrian negara.

* * *

Kerajaan Kuwait telah mengeluarkan suatu undang-undang mengenai cukai hiburan. Cukai sebanyak 2% akan dikenakan di atas tiap-tiap tiket yang dijual kerana pertunjukan-pertunjukan pentas dan wayang gambar. Ke semua hasil dari cukai hiburan itu akan diserahkan kepada jawatankuasa Tabung Angkatan Gerila Palestin yang sedang berjuang di bumi Palestin yang dirampas oleh Israel.

* * *

Berita dari Oman menyatakan bahawa sejak tentera-tentera Israel menguasai

Baitul Maqdis bilangan para pelancong dari seluruh dunia yang datang menziarahi tempat-tempat bersejarah di Jordan telah jadi berkurangan sebanyak 30%. Ini menyebabkan hasil pelancongan di negeri itu semakin berkurang.

Al-Ahram – Sebuah surat khabar harian di Kaherah – Mesir telah melaporkan bahawa kerajaan Jordan baru-baru ini telah banyak menerima bantuan daripada negara-negara Arab demi untuk mempertahankan dirinya daripada serangan-serangan Israel. Republik Arab Bersatu dan Iraq telah menghulurkan bantuan alat-alat peperangan, manakala *al-Malik Faisal* dari Saudi Arabia telah memberi bantuan kewangan sebanyak 10 juta paun sterling dan *Amīr Abu Dhabi* 14 juta dolar (5,833,000 paun sterling).

* * *

Suatu laporan yang dikeluarkan oleh Perbadanan Orang-Orang Pelarian Jordan menyatakan bahawa mereka telah mendapat bukti-bukti yang sah daripada pemuda-pemuda Palestin yang berundur daripada serangan-serangan Israel menyatakan bahawa mereka telah menyaksikan kekejaman-kekejaman yang dilakukan oleh tentera-tentera Israel terhadap orang-orang tawanan Perang Arab, sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Gestapo Nazi Jerman di dalam Peperangan Dunia yang Kedua dahulu.

Berita-berita Alam Islam.

Dalam Pilihanraya Umum

Di Sudan baru-baru ini Parti Demokratik telah memenangi 83 buah kerusi, manakala Parti Umam (Umam) memenangi 56 kerusi. Parti-parti lain ialah *African National Union* 15 kerusi, *Front Selatan* 10 kerusi dan Parti *Communist* hanya mendapat 1 kerusi sahaja.

Parti Demokratik telah ditubuhkan pada bulan Disember yang lalu, ia diketuai oleh *President* Sudan Tuan Ismail al-Azhari. Sidiq Al-Mahdi ketua Parti Umam dan Perdana Menteri yang lalu telah mengalami kekalahan teruk di dalam pilihan raya tersebut.

* * *

Pada 6 haribulan Mei yang lalu *President* Noureddin al-Atassi dari Syria telah mengadakan lawatan rasmi ke Republik Arab Bersatu sebagai mengepalai satu rombongan ketenteraan untuk mengadakan perbincangan-perbincangan politik dengan pemimpin-pemimpin Mesir. Sebelum beliau berangkat pulang sumber-sumber yang boleh dipercayai dari Damsyik telah menyatakan bahawa kerajaan Syria sedang berusaha untuk menyatukan negara-negara Arab yang lebih maju seperti Mesir, Algeria, Iraq dan Syria.

* * *

Beribu-beribu orang penunjuk-penunjuk perasaan telah berhimpun di luar pejabat Perdana Menteri Lubnan di Beirut pada 2 haribulan Mei yang

lalu kerana membantah terhadap perbarisan tentera-tentera Israel yang diadakan di kota Islam Baitul Maqdis yang mereka tawan. Di antara mereka terdapat Puan Margaret McCary – seorang ahli Parlimen British – beliau bertemu dengan Perdana Menteri Tuan Abdullah El-Yafi menyatakan rasa kesalnya di atas sikap kezaliman polis-polis Israel apabila mereka menyuraikan penunjuk-penunjuk perasaan barisan kaum wanita di Jerusalem.

Beliau menyatakan yang ia berasa megah dengan pingat yang disematkan ke dadanya oleh pertubuhan Komando Arab "Al-Fattah" kerana pendapat-pendapat pro-Arabnya. Tuan El-Yafi berucap kepada penunjuk-penunjuk perasaan itu bahawa Kerajaan Lubnan sentiasa menggalakkkan orang-orang Palestin supaya terus berjuang melawan kekejaman Israel, dan Kerajaan Lubnan akan melengkapi mereka dengan alat-alat senjata.

Perbendaharaan Kerajaan Saudi Arabia

Arabia telah mengeluarkan mata wang baharunya berharga 100 dan 50 riyal. Mengulas tentang penerbitan wang tersebut, maka Gabenor Perbendaharaan Kerajaan Saudi Arabia berkata:

"Bahawa riyal Saudi adalah di antara mata wang yang terkuuh sekali kedudukannya di dunia. Kerana pertukaran asing dan harganya dijamin penuh dengan emas. Bentuk keadaan mata wang yang baharu itu akan mengelakkan daripada tiruan oleh wang-wang palsu."

* * *

Semuanya telah bersedia untuk menjalankan satu projek "pembangunan ekonomi" yang terbesar pernah tercatit dalam sejarah moden Syria – yaitu projek

pembinaan empangan besar di Sungai "Al-Furat" dengan bantuan wang dan teknik dari Kerajaan Rusia.

Empangan yang berharga \$1,800,000,000 (seribu delapan ratus *million* dolar Amerika) itu akan dibina di kawasan timur Laut yang berbukit-bukit "Al-Tibqah" - seratus batu dari sempadan Turki – peringkat pertamanya ialah bertujuan untuk meninggikan hasil negara dan menyuburkan tanah pertanian seluas 1,500,000 hektar daripada ciptaan tasik yang baharu itu.

Jika semuanya berjalan sebagaimana yang dirancangkan, maka 60,000 keluarga tani yang terdiri daripada 300,000 rakyat Syria akan menduduki tanah-tanah subur di sekitar lembah sungai tersebut pada tahun 1974.

Pembangunan dari hasil empangan di Sungai Al-Furat itu adalah dijangkakan akan memberi pekerjaan kepada 53,000 penganggur, menjelang tahun itu, hingga meningkat kepada bilangan 80,000 penganggur-penganggur akan mendapat pekerjaan menjelang tahun 1990.

* * *

Seorang jurucakap dari pihak Kementerian Luar Turki berkata:

"Bahawa pihak Turki tidak mempunyai sebarang maklumat tentang dasar luar yang akan diamalkan oleh orang-orang Greek di Pulau Cyprus setelah

President Macarius dipilih semula menjadi *President* Cyprus. Tetapi jika pihak orang-orang Greek mengamalkan dasar-dasar tekanan terhadap orang-orang Turki, maka mereka akan menghadapi akibat-akibat yang buruk kelak.